

Harmontradiloka: Konsep Baharu Dalam Persembahan Nyanyian Lagu Tradisional Melayu

Harmontradiloka: A New Concept in the Performance of Traditional Malay Songs

Nor Azura Abu Bakar¹ & Kamarulzaman Mohamed Karim
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
e-mail: ajude85@gmail.com¹

Article received: October 31, 2024

Article revised: December 26, 2024

Article accepted: December 30, 2024

Article published: December 31, 2024

Cite this article (APA): Abu Bakar, N. A., & Karim, K. M. (2024). Harmontradiloka: Konsep baharu dalam persembahan nyanyian lagu tradisional Melayu. *Jurai Sembah*, 5(2), 10-27. <https://doi.org/10.37134/juraisembah.vol5.2.2.2024>

Abstrak

Nyanyian tradisional Melayu di Malaysia merupakan salah satu bentuk kesenian tradisional yang berasaskan kemahiran seni suara. Persembahan ini telah menjadi sebahagian daripada warisan budaya Melayu di Malaysia, mencerminkan keunikan seni suara masyarakat tempatan. Tradisi ini diwarisi sejak zaman sebelum penjajahan British, berkembang sepanjang era penjajahan dan terus bertahan serta dilestarikan selepas kemerdekaan. Penyampaian persembahan mahupun nyanyian tradisional Melayu disampaikan secara solo mahupun duet, mengekalkan cara yang sama sehingga kini dan masih belum ada inisiatif ke arah pembaharuan menyebabkan kesenian ini dilihat masih berada di takuk yang sama. Pengkaryaan persembahan Nyanyian Tradisional Melayu dalam bentuk ensembel vokal ini adalah kajian yang sedang dijalankan. Ianya merupakan sebuah konsep baru persembahan di mana matlamatnya adalah untuk menerbitkan satu alternatif baru kepada bentuk persembahan nyanyian tradisional Melayu berdasarkan 3 objektif iaitu: (a) memperkenalkan bentuk ensembel vokal dengan pengaplikasian harmoni moden di dalam nyanyian tradisional Melayu, (b) mempersembahkan koleksi nyanyian tradisional Melayu dari kompilasi muzik rakyat, muzik klasik, muzik sinkretik, muzik seni kontemporari dan muzik popular, dan (c) mengekspresikan persembahan nyanyian tradisional melayu dalam bentuk muzikal dengan gabungan elemen koreografi dan teaterikal. Ketiga-tiga isu ini dijadikan sebagai tunjang kepada ilham persembahan dan penelitian terhadap gaya baru ini akan dilakukan sekali gus objektif ini dapat membantu mencapai matlamat untuk jangka masa panjang. Kajian ini menggunakan dua kaedah, kaedah yang pertama adalah kaedah berasaskan amali untuk cetusan idea dalam pengkaryaan dan kaedah untuk penyelidikan adalah berbentuk kualitatif iaitu menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur, kajian perpustakaan melalui pembacaan buku, kajian-kajian lepas, artikel dan jurnal, pengalaman peribadi, pemerhatian turut serta, penglibatan secara langsung dan tontonan video terhadap kajian persembahan yang lepas. Persembahan ini dikira sebagai satu usaha ataupun inisiatif untuk membolehkan lagu tradisional Melayu mendapat tempat dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda yang lebih cenderung kepada genre lagu yang menjadi fenomena dan ikutan masa kini. Ianya juga dijangka bakal menimbulkan kesan terhadap idea persembahan baharu berdasarkan pendekatan rekonstruksi dalam lapangan nyanyian tradisional.

Kata kunci: harmontradiloka, nyanyian tradisional Melayu, ensembel vokal, konsep persembahan vokal, modernisasi

Abstract

Traditional Malay singing in Malaysia is a traditional art form rooted in vocal skills and deeply embedded in the Malay cultural heritage. It reflects the unique vocal artistry of the local community and has been passed down since the pre-British colonial era, evolving through the colonial period and continuing to be preserved post-independence.

Traditionally performed solo or as duets, this art form has largely maintained its original format over the years, with minimal innovation, leading to perceptions of stagnation. The development of Traditional Malay Singing in the form of vocal ensembles is the focus of ongoing research. This new performance concept aims to introduce an alternative format for Traditional Malay Singing, with three primary objectives: (a) incorporating vocal ensembles using modern harmonic techniques in Traditional Malay Singing, (b) showcasing a repertoire of Traditional Malay songs spanning folk, classical, syncretic, contemporary art, and popular music, and (c) presenting performances that integrate choreographic and theatrical elements with musical expression. These aspects form the foundation of the performance concept and are actively explored to achieve long-term goals. The research adopts two methods: a practice-based approach to generate creative ideas and a qualitative research approach involving unstructured interviews, library research using books, past studies, articles, and journals, as well as personal experiences, participant observations, direct involvement, and video reviews of past performances. This initiative aims to revitalise Traditional Malay Singing by ensuring its relevance within the community, particularly among the younger generation, who tend to gravitate towards contemporary music trends. It is also expected to inspire new performance ideas through a reconstruction approach in the realm of traditional singing.

Keywords: harmonitrailoka, traditional Malay singing, vocal ensemble, vocal performance concept, modernization

Pengenalan

Nyanyian tradisional Melayu merupakan salah satu bentuk kesenian tradisional yang menyerlahkan keindahan seni suara serta keunikan warisan budaya. Menurut Ismail (2008), tradisi nyanyian ini telah wujud sejak era pra-penjajahan British dan terus mengalami perkembangan sepanjang pelbagai fasa sejarah, termasuk semasa penjajahan dan selepas kemerdekaan. Tradisi ini merangkumi pelbagai genre muzik seperti muzik klasik, muzik rakyat, muzik sinkretik, muzik seni kontemporari, dan muzik popular (Matusky & Tan, 2017). Selain menjadi medium hiburan, nyanyian tradisional Melayu turut berperanan sebagai alat pendidikan yang menyampaikan nilai moral dan sosial melalui lirik-liriknya (Abdullah, 2009). Pada asalnya, seni ini berkembang dalam kalangan masyarakat desa, khususnya komuniti petani, yang kebanyakannya tidak celik huruf. Oleh itu, pembelajaran nyanyian tradisional berlaku melalui proses peniruan secara lisan, yang menjadi asas kepada kelangsungan tradisi tersebut (Mohamad, 2013). Dalam konteks sejarah, penciptaan lagu tradisional Melayu sering kali berlaku secara spontan tanpa pengaruh teori muzik formal atau kesedaran artistik yang terancang. Abdullah dan Noor (2015) mendapati bahawa penciptaan lagu-lagu tradisional ini lazimnya bertujuan menyampaikan emosi serta pandangan terhadap kehidupan, alam sekitar, dan budaya etnik. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan alternatif yang menyatakan bahawa lagu-lagu tradisional ini bukan semata-mata hasil ciptaan individu tetapi berkembang melalui proses penyebaran lisan yang berulang kali. Proses ini menyumbang kepada perubahan dari segi bentuk dan gaya nyanyian (Matusky & Tan, 2017). Proses asimilasi yang berlaku turut memainkan peranan penting dalam mencipta variasi baharu dalam tradisi nyanyian Melayu, menjadikannya lebih sesuai dengan keperluan dan konteks semasa (Zainal, 2020). Pendekatan ini menggambarkan fleksibiliti nyanyian tradisional Melayu dalam menyesuaikan diri dengan perubahan zaman, tanpa mengabaikan elemen budaya dan identiti asalnya.

Konsep ‘Harmonitrailoka’ merupakan satu pendekatan inovatif dalam persembahan nyanyian lagu tradisional Melayu yang menggabungkan elemen ensembel vokal dengan unsur tradisional dan seloka. Istilah ini terhasil daripada gabungan tiga elemen utama: ‘harmoni’, yang merujuk kepada keseimbangan suara dalam ensembel vokal; ‘tradisional’, yang menekankan keaslian warisan budaya; dan ‘seloka’, yang mencerminkan keindahan seni puisi Melayu. Kajian mengenai ‘Harmonitrailoka’ dilaksanakan dengan tujuan memperkenalkan konsep baharu ini sebagai satu bentuk penjenamaan semula nyanyian tradisional Melayu dalam konteks moden. Pendekatan ini bukan sahaja memberi penekanan kepada keindahan vokal, tetapi turut menitikberatkan nilai estetika dan pedagogi yang terdapat dalam tradisi nyanyian Melayu (Rahman & Zulkifli, 2022). Melalui pengenalan istilah baharu ini, kajian ini berharap dapat membuka ruang kepada penghayatan dan apresiasi yang lebih mendalam terhadap seni nyanyian tradisional Melayu. Selain itu, konsep ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada usaha pendokumentasian dan pemeliharaan warisan budaya kebangsaan, dengan menonjolkan tradisi nyanyian Melayu sebagai elemen penting dalam identiti budaya Malaysia.

Kajian ini bermula daripada isu peribadi yang dihadapi oleh pengkaji sendiri sebagai seorang penyanyi lagu tradisional Melayu iaitu kekurangan keyakinan diri dalam membuat persembahan solo, yang sering kali dikaitkan dengan persepsi terhadap aspek nilai ideal kecantikan yang ditetapkan oleh masyarakat. Menurut Ahmad (2014) dan Zainal (2016), kritikan terhadap rupa paras dan penampilan individu dalam industri seni boleh memberikan kesan negatif kepada keyakinan dan motivasi seseorang

penggiat seni untuk terus berkarya. Selain itu, tekanan emosi akibat perasaan gemuruh yang tidak terkawal turut memberi kesan terhadap kualiti persembahan, seperti yang dilaporkan oleh Mohamad (2013). Situasi ini secara tidak langsung mengurangkan peluang penyanyi untuk terlibat dalam persembahan seni, sama ada secara berbayar atau tidak berbayar. Situasi ini menunjukkan keperluan untuk mengenal pasti dan menerapkan pendekatan baharu yang lebih inklusif dan menyokong, bagi membantu penyanyi yang menghadapi cabaran serupa dalam memperkukuh keyakinan dan meningkatkan kualiti persembahan mereka. Keresahan ini semakin memuncak apabila pengkaji menyedari bahawa populariti lagu pop tradisional memuncak sekitar tahun 1997 hingga 2007, tetapi selepas tahun 2008, kesenian ini dilihat semakin terpinggir. Hal ini sejajar dengan pandangan Mohamad (2013), yang menyatakan bahawa karya-karya tradisional Melayu berdepan ancaman kepupusan kerana kurangnya minat generasi muda dan sokongan yang terhad daripada media massa. Walaupun terdapat usaha daripada segelintir pihak untuk mempertahankan muzik tradisional, hasil karya seringkali tidak memenuhi kehendak masyarakat moden, melainkan ia dihasilkan oleh komposer atau dinyanyikan oleh penyanyi ternama (Abdullah & Noor, 2015).

Pengkaji juga mengenalpasti bahawa salah satu faktor kemerosotan kesenian ini ialah ketiadaan inovasi dalam persembahan nyanyian tradisional Melayu. Persembahan secara solo atau duet masih menjadi format dominan tanpa usaha formal untuk memperbaharui gaya nyanyian dan persembahan. Menurut Zainal (2020), kekurangan inovasi ini menyebabkan kesenian tradisional Melayu sukar bersaing dengan bentuk hiburan kontemporari. Oleh itu, wujud keperluan untuk memperkenalkan konsep baharu yang mampu menarik perhatian generasi moden dan mengembalikan kedudukan muzik tradisional Melayu dalam arus perdana. Dengan menggunakan pendekatan autobiografi, kajian ini bertujuan untuk menghubungkan pengalaman peribadi pengkaji dengan keperluan mendesak bagi pembangunan konsep baharu dalam persembahan nyanyian tradisional Melayu. Pendekatan ini, yang berasaskan pengalaman peribadi, disokong oleh pandangan teori dan bukti empirikal daripada kajian terdahulu, membolehkan pengkaji menjustifikasikan perlunya inovasi seperti konsep 'Harmonitradiiloka' untuk memelihara dan memajukan warisan kesenian tradisional Melayu.

Kajian ini bertujuan memperkenalkan satu konsep baharu dalam persembahan nyanyian tradisional Melayu, dengan matlamat utama menghasilkan alternatif kepada bentuk persembahan tradisional yang sedia ada. Kajian ini berasaskan tiga objektif utama, iaitu:

- i. Memperkenalkan bentuk ensembel vokal dengan pengaplikasian harmoni moden di dalam persembahan nyanyian tradisional Melayu.
- ii. Mempersembahkan koleksi nyanyian tradisional Melayu dari kompilasi muzik rakyat, muzik klasik, muzik sinkretik, muzik seni kontemporari dan muzik popular.
- iii. Mengekspresikan persembahan nyanyian tradisional Melayu dalam bentuk muzikal dengan gabungan elemen koreografi dan teaterikal.

Ketiga-tiga objektif ini menjadi asas kepada pembangunan konsep baharu yang dicadangkan, dengan setiap aspek persembahan disusun bagi menyokong inovasi gaya persembahan nyanyian tradisional. Penelitian terhadap penerapan gaya baharu ini dijangka memberikan sumbangan yang signifikan kepada kelangsungan seni nyanyian tradisional Melayu serta membantu mencapai matlamat memperkasakan kesenian ini dalam jangka masa panjang.

Sorotan Kajian

Kajian terdahulu menunjukkan pelbagai usaha telah dilakukan untuk memahami lagu tradisional Melayu, khususnya lagu Melayu asli dan ensembel vokal, namun dengan fokus dan pendekatan yang berbeza. Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng (2012) telah mengkategorikan muzik tradisional Melayu kepada lima jenis utama, iaitu muzik klasik, rakyat, sinkretik, seni kontemporari, dan popular. Muzik ini dilihat berkembang melalui tiga fasa sejarah utama: sebelum penjajahan British, semasa penjajahan, dan selepas kemerdekaan. Dalam kajian mereka, perhatian turut diberikan kepada dua bentuk persembahan vokal, iaitu koir, yang merujuk kepada nyanyian kumpulan tanpa solo, dan korus, yang melibatkan penyanyi latar dalam seni pementasan. Dalam konteks seni tradisional seperti makyung, mekmulung, dan randai, korus memainkan peranan penting sebagai elemen sokongan melalui nyanyian bersahut dan bergilir-gilir, melengkapi naratif dalam persembahan teater tradisional. Kajian lain oleh Shafa'atussara Silahuddin (2021) meneliti pertandingan nyanyian lagu Melayu asli yang berlangsung antara tahun 2000 hingga

2010, dengan menumpukan kepada fungsi pertandingan ini sebagai aktiviti budaya dalam kalangan remaja. Penekanan diberikan kepada sifat sentimental dan santai nyanyian Melayu asli yang dianggap melambangkan kehalusan jiwa penyanyi. Kajian ini menegaskan peranan pertandingan nyanyian sebagai platform untuk memelihara seni tradisional Melayu, di samping memperkenalkan generasi muda kepada estetika seni melalui pantun dan melodi yang asli. Ismail Ahmed dan Ab Samad Kechot (2015) pula mengkaji unsur sinkretisme dalam instrumentasi lagu Melayu asli. Kajian ini mendapati bahawa pengaruh elemen muzik Barat, India, dan Arab telah membawa perubahan terhadap keaslian muzik tradisional Melayu. Walaupun begitu, kajian ini dilihat signifikan sebagai rujukan untuk memahami sinkretisme dalam seni tradisional, dengan memberikan panduan kepada generasi baharu untuk mengenali dan menghargai elemen-elemen yang membentuk persembahan lagu Melayu asli.

Kajian oleh Kamarulzaman bin Mohamed Karim (2016) memberi tumpuan kepada muzik Ghazal Melayu Johor (GMJ), yang semakin kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat moden. Kajian ini bertujuan untuk menonjolkan keunikan GMJ melalui pendekatan estetika popular tanpa mengorbankan elemen tradisionalnya. Pendekatan ini bertujuan menjadikan GMJ lebih relevan dan diterima oleh generasi masa kini sambil mengekalkan nilai budaya asalnya. Zahrotul Fauziah dan Abdul Rachman (2020) pula meneliti gubahan vokal yang menjadi identiti kumpulan muzik keroncong Congrock 17 di Semarang. Kajian ini mengkaji teknik seperti canon, pembahagian suara triad, dan penambahan lirik untuk mencipta ensembel vokal yang menarik. Pendekatan ini telah menjadikan muzik keroncong lebih relevan kepada generasi muda dan menunjukkan potensi ensembel vokal dalam mengubah persepsi terhadap muzik tradisional. Dalam kajian yang berbeza, Agus Budi Handoko (2012) mengkaji harmoni vokal alami dalam paduan suara gereja di Surakarta. Kajian ini mendapati bahawa harmoni vokal alami, yang tidak berasaskan teori muzik Barat, bergantung pada latar belakang budaya dan tradisi gereja. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa harmoni vokal alami mempunyai potensi untuk menyokong aktiviti keagamaan dan memperkuat hubungan spiritual, khususnya dalam konteks persembahan keagamaan. Kajian Muhammad Takari (2018) pula membincangkan estetika seni persembahan Melayu, yang mencerminkan proses hibridisasi budaya. Kajian ini mendapati bahawa seni persembahan Melayu menggabungkan unsur-unsur pribumi, Islam, dan Barat, termasuk skala muzik, tarian berpasangan, serta pengaruh estetika Barat dalam teater. Kajian ini menekankan bahawa estetika Melayu berasaskan inovasi dan pembudayaan Islam, yang menjadi asas falsafah seni persembahan Melayu untuk kekal relevan dalam konteks moden.

Berdasarkan kajian terdahulu, terdapat beberapa jurang yang dapat dikenal pasti dalam penyelidikan mengenai lagu tradisional Melayu, khususnya dalam aspek ensembel vokal dan transformasi gaya persembahan nyanyian tradisional. Untuk merapatkan jurang ini, konsep 'Harmontradiiloka' diperkenalkan sebagai pendekatan holistik yang menyepadukan elemen tradisional dengan inovasi moden. Pendekatan ini bertujuan menawarkan alternatif baharu dalam konteks nyanyian tradisional Melayu dengan menggabungkan unsur warisan dan pembaharuan. Sebelum ini, kajian oleh Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng (2012) telah memperkenalkan konsep koir dan korus dalam muzik vokal tradisional. Walau bagaimanapun, tumpuan mereka terhad kepada penyertaan kumpulan vokal dalam seni pementasan seperti makyung dan randai, tanpa meneliti potensi ensembel vokal secara menyeluruh dalam konteks nyanyian tradisional Melayu. Sebaliknya, 'Harmontradiiloka' melangkaui batasan ini dengan memberikan fokus kepada ensembel vokal berkumpulan yang dirangka khas untuk menyampaikan gaya nyanyian tradisional menggunakan teknik harmoni moden. Inovasi ini membuka ruang untuk eksplorasi teknik harmoni yang sebelum ini jarang diterapkan dalam tradisi nyanyian Melayu. Selain itu, kajian oleh Ismail Ahmed dan Ab Samad Kechot (2015) menekankan pengaruh sinkretisme dalam instrumentasi lagu Melayu asli. Namun, kajian mereka kurang memberi perhatian kepada elemen vokal sebagai komponen utama persembahan. Dalam konteks 'Harmontradiiloka', konsep sinkretisme diterjemahkan melalui gubahan vokal dan harmoni dengan menggabungkan teknik tradisional dan moden. Pendekatan ini bukan sahaja memperkaya tekstur persembahan vokal, tetapi juga meningkatkan daya tarikannya kepada generasi muda, sekali gus memelihara seni tradisional Melayu agar terus relevan dalam konteks kontemporari.

Pendekatan estetika popular yang diketengahkan oleh Kamarulzaman Mohamed Karim (2016) dalam kajian mengenai muzik Ghazal Melayu Johor menjadi salah satu inspirasi utama kepada konsep 'Harmontradiiloka'. Seperti pendekatan beliau, 'Harmontradiiloka' mempersembahkan gaya nyanyian tradisional melalui integrasi elemen moden seperti koreografi dan aspek teaterikal. Inovasi ini menghasilkan pengalaman persembahan yang lebih menyeluruh dan memenuhi cita rasa penonton kontemporari tanpa mengabaikan nilai budaya asal. Teknik ensembel vokal yang dibincangkan oleh

Zahrotul Fauziah dan Abdul Rachman (2020) menunjukkan potensi ensembel vokal dalam memberikan daya tarikan baharu kepada muzik tradisional seperti keroncong. ‘Harmontradiloka’ mengadaptasi idea ini ke dalam konteks nyanyian tradisional Melayu dengan memperkenalkan gubahan vokal yang dinamik dan harmoni. Pendekatan ini memberi dimensi baharu kepada nyanyian tradisional dengan menampilkan ensembel vokal sebagai elemen utama yang lebih kreatif dan menarik.

Kajian oleh Agus Budi Handoko (2012) mengenai harmoni vokal alami dalam paduan suara gereja turut menjadi sumber inspirasi kepada ‘Harmontradiloka’. Dalam konsep ini, harmoni alami diaplikasikan dalam ensembel vokal tradisional Melayu untuk mengekalkan sifat keaslian budaya, sambil menggabungkan teknik harmoni konvensional. Pendekatan ini memperkaya tekstur persembahan vokal tradisional dan memberikan nilai tambah kepada seni nyanyian Melayu. Sementara itu, kajian Muhammad Takari (2018) yang menekankan estetika Melayu bersifat hibrid—menggabungkan unsur-unsur pribumi, Islam, dan Barat—turut menjadi landasan penting dalam pembangunan ‘Harmontradiloka’. Konsep ini mencerminkan falsafah tersebut dengan mempersembahkan nyanyian tradisional dalam bentuk yang lebih inovatif. Elemen estetika moden seperti penggunaan teknologi visual dan interaksi koreografi dimanfaatkan, namun nilai tradisional tetap dipelihara sebagai teras utama. Melalui pendekatan-pendekatan ini, ‘Harmontradiloka’ bukan sahaja berusaha merapatkan jurang dalam penyelidikan terdahulu, tetapi juga berpotensi mencetuskan paradigma baharu dalam nyanyian tradisional Melayu. Konsep ini memastikan kelestarian seni tradisional Melayu dengan menyepadukan keaslian tradisi dan inovasi moden, sekaligus menarik perhatian generasi masa kini dan masa depan.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan satu alternatif baharu kepada bentuk persembahan nyanyian tradisional Melayu. Reka bentuk kajian ini berasaskan pendekatan amalan reflektif yang memfokuskan kepada pemerhatian, pengalaman, dan analisis mendalam terhadap proses penciptaan serta persembahan muzik tradisional Melayu. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami secara langsung dinamik persembahan tradisional sambil menghasilkan inovasi berdasarkan pemerhatian dan pengalaman peribadi (Schön, 1983; Candy, 2006). Kajian ini menggunakan beberapa kaedah penyelidikan, termasuk kajian perpustakaan, temu bual, serta pemerhatian turut serta dan penglibatan langsung.

Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan melibatkan rujukan kepada buku, jurnal, artikel, tesis, disertasi, dan laman sesawang untuk memperoleh maklumat daripada kajian terdahulu. Sumber-sumber ini membantu pengkaji mengenal pasti elemen penting dalam muzik tradisional Melayu dan menyediakan asas teori bagi kajian ini (Matusky & Tan, 2017; Mohamad, 2013).

Temu Bual

Kaedah temu bual melibatkan tokoh-tokoh dan individu berpengalaman dalam bidang masing-masing, termasuk Adiguru Nik Mustapha Nik Md Salleh, Dato’ Ramli MS, En. Rahman Kamaruddin, En. Izzad Izzuddin, dan Syura. Temu bual dijalankan menerusi aplikasi WhatsApp, memandangkan negara berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika itu. Soalan berbentuk tidak berstruktur digunakan bagi memberi fleksibiliti kepada informan untuk berkongsi pandangan mengenai perkembangan muzik tradisional di Malaysia, penerapan elemen muzik moden, serta pandangan terhadap status muzik tradisional kini. Pendekatan ini terbukti berkesan untuk mendapatkan data yang kaya dan mendalam (Kvale, 1996).

Pemerhatian Turut Serta dan Penglibatan Langsung

Kaedah ini melibatkan penyertaan dalam pelbagai aktiviti berkaitan persembahan, pengurusan persembahan, bengkel, dan pertandingan. Pemerhatian ini bertujuan mengenal pasti koleksi lagu tradisional yang sesuai untuk dipersembahkan, mempelajari teknik nyanyian lagu tradisional dengan lebih mendalam, serta mencari kaedah terbaik untuk pengajaran nyanyian tradisional dan koir secara formal. Penglibatan ini merangkumi persembahan seperti Mek Mulung di Infiniteen TV, Persembahan Lakhon

Dewa Kaca, dan Festival Floria Putrajaya 2022, serta bengkel seperti *Masterclass Lagu-Lagu Makyung* bersama Adiguru Fatimah Abdullah dan Bengkel Nyanyian Lagu Melayu Asli anjuran Artisan Rentak Muzik. Selain itu, pengkaji juga terlibat sebagai tenaga pengajar dan juri dalam program seperti Bengkel Randai bersama Sekolah Henry Gurney, Bengkel Lagu Melayu Asli anjuran UTHM, dan Bengkel Koir anjuran Majlis Perbandaran Selayang. Pengalaman ini memberikan pengkaji pemahaman praktikal terhadap teknik dan gaya nyanyian tradisional, selain menyumbang kepada idea kreatif dalam pengurusan persembahan muzik.


Pengumpulan dan Analisis Data

Hasil temu bual direkodkan menggunakan buku nota dan rakaman telefon bimbit. Selepas setiap sesi, refleksi ditulis, dan rakaman ditranskrip untuk dianalisis. Pemerhatian turut serta direkodkan dalam borang pemerhatian yang direka khas, yang mengandungi maklumat demografi serta dua lajur iaitu nota deskriptif dan nota reflektif. Nota reflektif ini memberikan ruang kepada pengkaji untuk merekod pemikiran peribadi tentang aktiviti yang diperhatikan, yang merupakan elemen penting dalam pendekatan amalan reflektif (Schön, 1983). Pendekatan amalan reflektif ini membolehkan pengkaji mendalami pemahaman terhadap nyanyian tradisional Melayu sambil mencipta inovasi yang berasaskan tradisi, namun relevan dengan kehendak masyarakat moden. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan signifikan kepada pengembangan seni nyanyian tradisional Melayu serta usaha pemeliharaan warisan budaya negara.

Dapatan Kajian: Konsep Baharu Persembahan


Berdasarkan isu yang diketengahkan, sebuah konsep baharu telah dibentuk untuk memperkaya persembahan nyanyian tradisional Melayu. Cetusan idea dalam pengkaryaan ini menggunakan kaedah penyelidikan berasaskan amali (*practice-based research*). Menurut Candy (2006), kaedah ini merupakan suatu siasatan asal yang bertujuan memperoleh pengetahuan baharu melalui proses amali dan hasil kreatif yang dihasilkan daripada amali tersebut. Keaslian serta sumbangan baharu kepada pengetahuan akan ditunjukkan melalui hasil seni, di mana kepentingan dan konteks persembahan dijelaskan menerusi penulisan. Walau bagaimanapun, pemahaman sepenuhnya terhadap konsep ini hanya dapat dicapai melalui analisis kritis terhadap hasil amali yang dihasilkan.

Pengertian konsep baharu dalam persembahan ini selaras dengan definisi konsep dalam dunia ilmu, seperti yang digambarkan dalam *Gambarajah 1* yang diadaptasi daripada Ihalaui (2004, p. 29) bertajuk “Unsur-unsur Pembentukan Konsep”. Konsep merujuk kepada huraian abstrak yang memberikan penjelasan terhadap sesuatu fenomena dalam pelbagai dimensi (Syed Arabi Idid, 1998, pp. 25–26). Dimensi ini terbentuk berdasarkan keperluan dan kehendak kajian (Bailey, 1978, p. 33). Penjelasan ini memberikan pengkaji pemahaman mendalam dan spesifik, membolehkan analisis dilaksanakan dengan lebih teliti serta tepat (Syed Arabi Idid, 1998, pp. 25–26).



Rajah 1. Pembentukan konsep baharu persembahan

Melalui *Rajah 1*, ‘Harmontradiloka’ diperlihatkan sebagai satu konsep baharu dan simbol kepada fenomena yang dibincangkan dalam kajian ini. Pembentukan istilah ini dihuraikan secara terperinci untuk memberikan penjelasan terhadap makna yang melatari penghasilan konsep persembahan ini. ‘Harmontradiloka’ merupakan gabungan daripada tiga suku kata yang berbeza, iaitu *harmoni*, *tradisional*, dan *seloka*, mencerminkan sinergi antara elemen tradisional dan inovasi moden. Konsep ini terbentuk melalui proses penstrukturan semula gaya vokal tradisional yang dipersembahkan dalam format ensembel vokal, yang menawarkan dimensi baharu kepada seni nyanyian tradisional Melayu. Selain itu, penghasilan konsep ini juga berakar daripada permasalahan peribadi pengkaji yang berkaitan dengan cabaran dalam persembahan solo, yang akhirnya mencetuskan keperluan untuk melakukan inovasi. ‘Harmontradiloka’ berfungsi sebagai satu penyelesaian kreatif yang tidak hanya menangani isu individu tetapi juga memperkaya seni persembahan nyanyian tradisional untuk terus relevan dalam konteks semasa.



Rajah 2. Gabungan suku kata bagi terma ‘Harmontradiloka’

Konsep ini dibangunkan menggunakan pendekatan sinkretik, seperti yang dijelaskan oleh Coplan (1978), yang merujuk kepada proses pengubahsuaian dan integrasi elemen muzik tempatan dengan pengaruh muzik luar untuk membentuk gaya baharu. Pendekatan ini memastikan kesinambungan ekspresif dengan sistem muzik tradisional sambil memperkenalkan elemen moden. Berdasarkan pendekatan ini, ‘Harmontradiloka’ bertujuan memperkenalkan gaya nyanyian tradisional yang lebih segar kepada khalayak, terutama dalam konteks komersial. Konsep ini diharapkan dapat menghidupkan semula minat terhadap persembahan muzik dan nyanyian tradisional Melayu, menjadikannya relevan dalam era muzik popular masa kini (Schippers, 2010; Zainal, 2020). ‘Harmontradiloka’ bukan sahaja memberikan fokus kepada elemen nyanyian tradisional Melayu tetapi juga bertindak sebagai respons kepada keresahan yang dihadapi oleh pengkaji dan seniman tradisional lain. Pemilihan istilah baharu dalam konsep ini berfungsi sebagai strategi penjenamaan semula persembahan tradisional, yang bertujuan menarik minat generasi masa kini terhadap kesenian tersebut.


Terdapat beberapa fenomena utama yang menyumbang kepada penciptaan konsep ini. Fenomena pertama berkaitan dengan kekurangan keyakinan diri pengkaji untuk membuat persembahan solo akibat tidak memenuhi nilai komersial atau standard kecantikan ideal yang sering dipromosikan dalam masyarakat. Kritikan daripada individu berpengalaman dalam bidang muzik yang menekankan kelemahan fizikal pengkaji telah menjejaskan semangat dan mempengaruhi kualiti persembahan. Situasi ini turut mengurangkan peluang pengkaji untuk terlibat dalam persembahan kesenian secara profesional. Fenomena kedua adalah kurangnya sambutan terhadap pengkaryaan baharu dalam persembahan dan penciptaan lagu tradisional Melayu. Faktor ini berpunca daripada pendedahan terhad terhadap muzik tradisional dalam kalangan generasi muda. Sokongan yang terhad daripada media massa turut memburukkan keadaan, memandangkan muzik popular yang dipengaruhi oleh unsur luar lebih mudah

mendapat perhatian melalui platform media baharu. Akibatnya, generasi muda kurang mengenali dan menghargai kesenian tradisional yang diwarisi secara turun-temurun (Matusky & Tan, 2017).

Bagi mengatasi permasalahan ini, pengkaji mengambil beberapa langkah strategik. Salah satu tindakan utama ialah membentuk kumpulan nyanyian untuk mempersembahkan nyanyian harmoni secara berkumpulan. Pengkaji turut memanfaatkan peluang untuk membina keyakinan diri melalui penglibatan aktif di belakang tabir, di samping mengembangkan kemahiran harmoni vokal berdasarkan pengalaman dan pemerhatian dalam dunia penyanyi latar. Dengan semangat dan kecintaan yang mendalam terhadap muzik tradisional Melayu, pengkaji berusaha meneruskan legasi seni ini walaupun dalam skala kecil. Usaha ini bertujuan memastikan seni tradisional ini kekal relevan dan dapat diwariskan kepada generasi mendatang, sejajar dengan keperluan dan cabaran budaya moden (Mohamad, 2013).

Elemen Sedia Ada Yang Mempengaruhi Pembentukan ‘Harmonitradiloka’

Nyanyian Tradisional Melayu



Rajah 3. Jenis nyanyian tradisional Melayu

Nyanyian tradisional Melayu telah berkembang sejak zaman pra-penjajahan British, melalui era penjajahan, dan selepas kemerdekaan. Evolusi nyanyian ini terbahagi kepada tiga bentuk utama: seni lakon tradisional, seni tari, dan ensemble sosial popular.

Seni Lakon Tradisional

Seni lakon tradisional meliputi genre teater seperti *Makyung*, *Mek Mulung*, dan *Randai*. Dalam teater ini, watak utama (hero atau heroin) perlu memiliki keupayaan untuk berlakon, menari, dan menyanyi, menjadikannya satu persembahan multidimensi (Matusky & Tan, 2012). Dalam *Makyung*, melodi dipersembahkan oleh penyanyi dengan iringan alat muzik *rebab*, menghasilkan barisan melodi yang kompleks dengan gaya vokal melismatik yang dihiasi pelbagai ornamen. Variasi melodi bergantung kepada kreativiti penyanyi dan pemain *rebab*. Senikata tambahan seperti “lah”, “gak”, dan “weh” sering digunakan untuk melengkapkan frasa melodi lagu (Matusky & Tan, 2012). Sebaliknya, *Mek Mulung* menampilkan penyanyi solo atau pelakon yang menyampaikan melodi statik dan berulang dengan variasi dinamik yang minimum. Dalam *Randai*, nyanyian biasanya berbentuk monofonik dan disampaikan oleh ketua penyanyi atau watak tertentu, dengan melodi berdasarkan skel heptatonik, heksatonik, atau diatonik major. Melodi ini sering digunakan untuk menggambarkan suasana gembira atau melankolik.

Seni Tari Tradisional

Nyanyian tradisional Melayu juga memainkan peranan penting dalam seni tari, di mana ia mengiringi tarian tanpa dialog. Contohnya, *Joget Gamelan*, *Zapin*, dan dramatari lain. *Joget Gamelan* yang berkembang di istana memperlihatkan kehalusan seni istana dengan struktur melodi simetri dan konsep ‘soal dan jawab’. Melodi ini sering dinyanyikan secara bergilir-gilir oleh penyanyi dan alat muzik melodi

seperti *keromong* dan *gambang* (Matusky & Tan, 2012). *Zapin* pula mempamerkan melodi yang berdasarkan skel diatonik major atau minor, disampaikan secara solo dengan iringan alat muzik seperti *gambus*, akordion, dan biola.

Ensembel Sosial Popular


Ensembel sosial popular merangkumi genre seperti *Melayu Asli*, *Joget*, *Inang*, *Masri*, *Dondang Sayang*, dan *Ghazal*. Lagu *Melayu Asli* lazimnya bersifat lambat dan melankolik, dengan kebebasan improvisasi diberikan kepada penyanyi untuk memvariasikan melodi asas. Sebaliknya, genre seperti *Joget*, *Inang*, dan *Masri* mempunyai rentak yang rancak dengan struktur melodi strofik yang membolehkan improvisasi. Teknik vokal pada awalnya dipengaruhi oleh gaya suara yang serak dan sengau sebelum terpengaruh dengan teknik vokal Barat pada era 1940-an (Matusky & Tan, 2012).

Ensembel Vokal

Ensembel vokal merujuk kepada kumpulan penyanyi yang menyampaikan muzik vokal secara harmoni. Ensembel ini merupakan medium yang sesuai untuk melibatkan generasi muda, terutamanya di sekolah, kerana ia membantu membina keyakinan diri dan berfungsi sebagai alternatif positif kepada gejala sosial. Muzik vokal di Malaysia, seperti di Barat, sering dikaitkan dengan upacara keagamaan. Ia boleh dikategorikan kepada dua jenis utama: seni vokal tanpa muzik (*a cappella*) dan seni vokal dengan iringan muzik (Matusky & Tan, 2012). Persembahan vokal di Malaysia wujud dalam bentuk *koir* dan *korus*. *Koir* merujuk kepada nyanyian berkumpulan tanpa penyanyi solo, sementara *korus* merujuk kepada kumpulan penyanyi dan penari latar dalam konteks seni pementasan seperti teater muzikal. Dalam tradisi seperti *Makyung*, *Mek Mulung*, dan *Randai*, *korus* memainkan peranan penting melalui nyanyian secara bersahut dan bergilir-gilir yang menyokong naratif utama persembahan. Dalam masyarakat moden, ensembel vokal boleh mengambil bentuk kumpulan *koir* besar atau kumpulan vokal kecil. Kumpulan vokal kecil menawarkan fleksibiliti yang lebih tinggi dari segi kreativiti dan improvisasi. Formasi ini mungkin terdiri daripada duet, trio, kuartet, atau kumpulan dengan lebih ramai ahli. Gubahan lagu untuk kumpulan vokal kecil memberikan kebebasan yang lebih luas dalam eksplorasi suara dan gerakan kreatif, menjadikan persembahan lebih dinamik dan menarik perhatian audiens (Benward & Saker, 2003).


Tekstur

Tekstur dalam nyanyian merujuk kepada gabungan melodi, rentak, dan harmoni yang membentuk dimensi sonik sesuatu persembahan. Tekstur ini boleh bersifat nipis atau tebal bergantung kepada jumlah lapisan suara dan alat muzik yang digunakan. Dalam konteks nyanyian tradisional Melayu, tekstur umumnya dianggap nipis, namun ia mempunyai ciri khas yang mencerminkan keunikan budaya tempatan. Menurut Nik Md Salleh (2021), tekstur dalam nyanyian tradisional Melayu boleh dikategorikan kepada dua jenis utama, iaitu heterofoni dan linear. Secara istilah, kedua-dua jenis tekstur ini mempunyai makna yang serupa, tetapi perbezaannya terletak pada cara pencampuran dan penggabungan alat muzik dalam menghasilkan bunyi. Heterofoni merujuk kepada pelbagai variasi melodi yang dimainkan serentak dengan sedikit perbezaan antara satu sama lain, sementara linear lebih memfokuskan kepada susunan melodi yang mengalir secara berurutan tanpa lapisan harmoni yang kompleks.



Rajah 4. Tekstur nyanyian tradisional Melayu


Sebaliknya, ensembel vokal moden sering menggunakan tekstur seperti monofoni, bifoni, homofoni dan polifoni untuk mencipta persembahan yang lebih kompleks dan harmoni.



Rajah 5. Tekstur nyanyian ensembel vokal

Teater Muzikal

Teater muzikal merupakan gabungan seni lakonan, muzik, nyanyian, dan tarian yang berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan naratif melalui persembahan yang dinamik. Dalam konteks tradisional Melayu, teater seperti *Makyung*, *Mek Mulung*, dan *Randai* menggunakan elemen muzikal sebagai sokongan kepada naratif ritual dan tujuan perubatan. Namun, pengaruh Barat telah memperkenalkan elemen moden seperti opera, *revue*, dan *rock musical* ke dalam struktur teater Melayu (Mohamad Ghouse Nasuruddin, 2000; Muhammad Faisal Ahmad, 2019). Menurut Muhammad Faisal Ahmad (2019), terdapat enam bentuk teater muzikal Barat yang telah mempengaruhi struktur teater muzikal Melayu, iaitu *Operetta*, *Revue*, *Minstrel*, *Vaudeville*, *Rock Musical*, dan *Musical Jukebox*. Operetta, misalnya, menampilkan nyanyian dengan nada yang lebih ringan dan sering diselitkan dengan elemen komedi. *Revue* pula mempersembahkan nyanyian dan tarian tanpa plot tertentu, menonjolkan daya tarikan visual melalui kostum dan koreografi. *Rock musical* mengangkat muzik rock sebagai elemen dominan, sementara *Musical Jukebox* memfokuskan kepada lagu-lagu popular yang diolah semula untuk persembahan. Gabungan elemen-elemen ini telah memberi inspirasi kepada perkembangan teater muzikal Melayu moden, di mana unsur-unsur tradisional dan kontemporari digabungkan bagi mencipta persembahan yang lebih menarik dan relevan kepada generasi masa kini. Pengaruh Barat ini memainkan peranan penting dalam membentuk gaya persembahan muzikal yang dinamik tanpa mengorbankan keaslian tradisi (Stempel, 2010; Viertel, 2017).



Rajah 5. Teater Muzikal Barat


Elemen Baharu Yang Mempengaruhi Pembentukan ‘Harmontradiloka’

Bagi memperkenalkan pembaharuan dalam persembahan nyanyian tradisional Melayu, pengkaji memilih untuk menggunakan teori rekonstruksi yang diadaptasi daripada falsafah pendidikan. Teori ini bertujuan merombak susunan lama dengan membangun semula struktur budaya yang lebih moden dan relevan. Yusuf Qardhawi (2006) menjelaskan bahawa rekonstruksi merangkumi tiga elemen utama: pertama, memelihara inti asal sambil mengekalkan karakteristik tradisinya; kedua, memperbaiki aspek yang lemah atau telah runtuh untuk memperkukuhkan struktur keseluruhan; dan ketiga, memasukkan elemen pembaharuan tanpa mengubah karakteristik asal. Ketiga-tiga elemen ini diaplikasikan dalam konsep ‘Harmontradiloka’, yang berfungsi sebagai pendekatan alternatif untuk memperbaharui penyampaian dan persembahan nyanyian tradisional Melayu agar kekal relevan pada masa kini.

Penstrukturan persembahan ‘Harmontradiloka’ dibangunkan berdasarkan prinsip rekonstruksi tersebut, lalu diterapkan sebagai konsep baharu dalam nyanyian berkumpulan. Persembahan ini melibatkan sepuluh orang penyanyi dengan enam jenis suara yang berbeza, iaitu soprano, mezzo-soprano, alto, tenor, bariton, dan bass. Setiap jenis suara diwakili oleh sekurang-kurangnya satu hingga dua penyanyi, bergantung kepada keperluan harmoni vokal yang seimbang. Pendekatan ini memastikan keseimbangan tekstur vokal yang kompleks dan unik, mencerminkan keindahan harmoni ensemble moden (Benward & Saker, 2003). Keunikan konsep ‘Harmontradiloka’ terletak pada fleksibilitinya, yang boleh dipersembahkan dengan atau tanpa iringan alat muzik. Walaupun tanpa iringan, persembahan ensemble vokal tetap mengekalkan elemen muzik utama seperti melodi, ton, irama, harmoni, tekstur, bentuk, dan ekspresi. Pendekatan ini mengintegrasikan nyanyian tradisional konvensional dengan teknik ensemble vokal moden, menghasilkan pelbagai tekstur muzik seperti linear, heterofoni, monofoni, bifoni, homofoni, dan polifoni (Schippers, 2010; Matusky & Tan, 2012). Adaptasi ini bukan sahaja memelihara keaslian tradisi nyanyian Melayu tetapi juga memperkayakan persembahan dengan elemen inovatif, menjadikannya lebih menarik dan sesuai dengan citarasa generasi masa kini. Dengan menggabungkan elemen tradisional dan moden, ‘Harmontradiloka’ menjadi model persembahan yang mencerminkan kesinambungan budaya dan kreativiti dalam seni persembahan vokal.

Tekstur

Rajah 6 memperincikan jenis tekstur yang diterapkan dalam persembahan ‘Harmontradiloka’, yang menggabungkan dua disiplin nyanyian dalam satu persembahan: nyanyian tradisional solo dan ensemble vokal. Nyanyian solo mencerminkan tekstur linear atau heterofoni, yang mengekalkan ciri khas gaya nyanyian tradisional Melayu. Sebaliknya, ensemble vokal memperkenalkan harmoni moden melalui interaksi dua atau lebih penyanyi, menghasilkan tekstur vokal yang lebih kompleks dan dinamik. Gabungan kedua-dua pendekatan ini mencipta gaya nyanyian tradisional baharu yang memberikan alternatif kepada kaedah nyanyian lama. Pendekatan ini bukan sahaja menyuntik nafas baharu kepada nyanyian tradisional Melayu tetapi juga menjadikannya lebih relevan dengan perkembangan muzik popular masa kini. Inovasi ini diharapkan dapat menarik minat generasi muda untuk mendekati dan menghargai muzik tradisional, selain menghidupkan kembali warisan muzik tradisional Melayu dalam konteks yang lebih moden dan sesuai dengan keperluan semasa (Mohamad, 2013; Zainal, 2020).



Rajah 6. Jenis Tekstur dalam persembahan ‘Harmontradiiloka’

Gubahan Vokal dan Muzik dalam Konteks Persembahan ‘Harmontradiiloka’

Gubahan merujuk kepada proses mencipta semula komposisi muzik berdasarkan karya asal, sama ada dalam bentuk vokal mahupun muzik instrumental (Hirabayashi, 2009). Secara khusus, gubahan vokal bertujuan menghasilkan bentuk baharu daripada komposisi asal dengan menambahkan ciri khas pada bahagian vokal. Proses ini melibatkan pengubahsuaian lagu untuk mencipta karya muzik baharu dengan menerapkan elemen motif pengulangan, kepelbagaian rentak, dan dinamik untuk membangkitkan suasana yang lebih mendalam dan menarik. Bilangan suara yang digunakan dalam gubahan vokal serta pilihan alat muzik memainkan peranan penting dalam menentukan kesan dan impak persembahan (Hartono, 2015).

Dalam *The Basics of Vocal Harmony*, Pandora Musicology Show menyenaraikan empat teknik harmoni vokal utama yang sering digunakan dalam gubahan lagu: *unison*, *tutti*, *call & response*, dan *counterpoint*. Unison melibatkan dua atau lebih vokalis menyanyikan not yang sama pada bahagian yang sama, dengan ketepatan nada menjadi faktor kritikal. Tutti, pula, melibatkan harmoni di mana vokalis menyanyikan bahagian yang sama tetapi dengan not berbeza menggunakan pergerakan selari (*parallel motion*), bertentangan (*contrary motion*), atau drone (*oblique motion*). Call & response merujuk kepada teknik di mana vokalis utama disahut oleh vokalis kedua atau kumpulan, sering digunakan dalam persembahan koir atau vokal berkumpulan (Banoe, 2003; Pamungkas, 2017). Akhir sekali, counterpoint ialah teknik di mana dua atau lebih vokalis menyanyikan bahagian berbeza secara serentak, menghasilkan harmoni yang kompleks dan menarik.

Proses menggubah lagu melibatkan beberapa langkah utama: memilih lagu, menjiwai komposisi asal, menganalisis melodi dan notasi, mengenal pasti jenis suara serta bilangan penyanyi, dan menentukan format muzik, sama ada dengan iringan alat muzik atau secara *a cappella*. Untuk persembahan dengan iringan alat muzik, penggubah perlu mengenal pasti ensemble muzik yang sesuai, seperti alat bertali, orkestra, atau kombo. Semua langkah ini adalah penting untuk menghasilkan gubahan yang harmoni dan relevan dengan tema persembahan (Hartono, 2015).

Dato’ Ramli MS (2021) menegaskan bahawa gubahan vokal untuk lagu tradisional perlu menggabungkan elemen muzik popular dunia untuk menarik perhatian generasi muda sambil mengekalkan nilai estetika nyanyian tradisional. Prinsip ini diterapkan dalam persembahan ‘Harmontradiiloka’, yang menggabungkan pelbagai tekstur seperti monofoni, bifoni, homofoni, dan polifoni, serta teknik seperti unison, tutti, call & response, dan counterpoint. Walaupun elemen baharu diperkenalkan, tekstur linear dan heterofoni yang menjadi ciri khas nyanyian tradisional Melayu tetap dikekalkan.

Sebagai contoh, lagu *Timang Welu* dalam kesenian tradisional *Makyung* telah digubah semula mengikut konsep ‘Harmontradiiloka’. Struktur gubahan baharu ini mengintegrasikan elemen muzik popular, termasuk penggunaan alat muzik dengan pengaruh luar, untuk menyampaikan persembahan yang relevan dengan cita rasa moden. Segmen eksperimen dan ciptaan baharu dalam gubahan ini direka agar sesuai dengan kehendak masyarakat kontemporari, menjadikan persembahan lebih menarik dan mampu bersaing dengan muzik popular (Zainal, 2020). Pendekatan ini selari dengan gerakan modenisme kebudayaan, yang menekankan keperluan estetika baharu melalui penggunaan teknologi dan eksperimen praktikal. Fleksibiliti dalam gubahan, termasuk penyerapan unsur-unsur luar dan pembaharuan, memungkinkan persembahan ini menarik perhatian pelbagai golongan penonton. Pendekatan ini diharapkan mampu mengembalikan zaman kegemilangan muzik sinkretik sebagai genre popular pertama

di Malaysia. Kajian ini juga berhasrat menjadi panduan kepada komposer dan penggubah masa kini untuk menjadikan muzik tradisional Melayu sebagai genre yang berdaya saing dalam industri muzik global.

ALTO **TIME WELU TRADITIONAL** AZURA

$\text{♩} = 100$

(A)

1. AM-BO A - WE TI-ME WE - LU SA - YE SEHA-RI SE-MA_ LE AM-BO A

2. A-WE WE_ EE PE-NGA-SUH HAM - BO SI-KIT BERJA

10. (B) 1. LE BA-NYOK BERLA - RI SA - YE SEHA-RI SE-MA_ LE SI-KIT BERJA

14. 2. LE A-WE WE_ PE-NGA-SUH HAM - BO AM-BO A -

Rajah 7. Notasi nyanyian lagu Timang Welu versi asal.

TIME WELU AZURA

$\text{♩} = 100$

(3)

SOPRANO
ALTO
TENOR
BARITONE

1. AM-BO A - WE TI-ME WE - LU SA - YE SEHA-RI SE-MA - LE AM-BO A LE A-WE

2. AM-BO A - WE TI-ME WE - LU SA - YE SEHA-RI SE-MA - LE AM-BO A LE A-WE

3. AM-BO A - WE TI-ME WE - LU SA - YE SEHA-RI SE-MA - LE AM-BO A LE A-WE

4. AM-BO A - WE TI-ME WE - LU SA - YE SEHA-RI SE-MA - LE AM-BO A LE A-WE

(11) (15)

S.
A.
T.
BAR.

WE_ EEE PE - NGA-SUH HAM - BA SI-KIT BERJA - LE BA-NYOK BERLA

WE_ EEE PE - NGA-SUH HAM - BA SI-KIT BERJA - LE BA-NYOK BERLA

WE_ EEE PE - NGA-SUH HAM - BA SI-KIT BERJA-LE

WE_ EEE PE - NGA-SUH HAM - BA SI-KIT BERJA-LE

Rajah 8 (bahagian 1). Notasi nyanyian lagu Timang Welu versi gubahan baharu.

[illegible]

Rajah 8 (bahagian 2). Notasi nyanyian lagu Timang Welu versi gubahan baharu.

Inovasi dalam Gaya Persembahan ‘Harmontradiloka’

Pembentukan inovasi dalam gaya persembahan nyanyian tradisional Melayu melalui ‘Harmontradiloka’ menekankan keperluan kemahiran pelbagai yang sering dikaitkan dengan peneraju utama dalam teater muzikal Melayu. Walaupun persembahan ini dipentaskan dalam gaya moden, intipati kandungannya tetap mengekalkan identiti tempatan dengan mengambil kira cita rasa masyarakat, peredaran masa, dan faktor persekitaran (Matusky & Tan, 2012). Secara konvensional, gaya penyampaian nyanyian tradisional Melayu sering dilakukan secara solo atau duet, dengan fokus kepada ekspresi individu. Dalam konsep baharu ini, elemen koreografi dan teaterikal ditambah untuk meningkatkan daya tarik penonton serta menguji kebolehan penyanyi sebagai penghibur serba boleh. Elemen ini, bagaimanapun, tidak diwajibkan dalam setiap persembahan. Pemilihan repertoir dijangka mencabar stamina dan keupayaan vokal penyanyi, sambil memulihkan semula lagu-lagu tradisional yang semakin terpinggir (Schippers, 2010).

Penstrukturan Persembahan ‘HarmonitradiLoka’

Persembahan ‘Harmontradiloka’ turut melibatkan seorang pengarah persembahan dan penulis skrip untuk memastikan kesinambungan naratif dan kepelbagaian elemen persembahan. Inspirasi konsep diambil daripada *Puteri Gunung Ledang In Concert – Rebirth of The Legend* yang dipentaskan pada 20–24 Mac 2015 di Istana Budaya. Persembahan ini menyatukan semula pelakon asal dengan pendekatan “*refreshed, reconstructed and reimagined*,” menggunakan reka bentuk set, koreografi menakjubkan, dan susunan muzik yang berenergi tinggi (Tiara Jacquelina, 2015). Penerbit konsert, Tiara Jacquelina, telah melantik Adlin Aman Ramlie sebagai pengarah kerana imaginasi kreatifnya. Persembahan ini menampilkan elemen seperti gurauan slapstick dan muzik rap pendek, menjadikannya pengalaman yang memukau dari aspek visual dan auditif. Konsep ini menyerupai muzikal *vaudeville*, yang menggabungkan nyanyian, lakonan, komedi, dan tarian tanpa naratif yang berterusan (Stempel, 2010).

Persembahan 'Harmontradiiloka' menggabungkan dua bentuk muzikal Barat iaitu *revue* dan *rock musical*. *Revue* menampilkan gabungan nyanyian, tarian, dan sketsa pendek tanpa plot, dengan penekanan pada daya tarik visual seperti kostum dan set pentas. Bentuk ini sering digunakan untuk meraikan karya komposer tertentu, memberikan ruang kepada karya-karya kurang popular untuk diketengahkan (Kenrick,

2010). Sementara itu, *rock musical* menonjolkan muzik rock sebagai elemen utama, memfokuskan kepada emosi dan ekspresi melalui muzik tanpa henti (Viertel, 2017). Dalam ‘Harmontradiiloka’, elemen muzik rock digantikan dengan muzik tradisional untuk mengekalkan nilai estetika sambil memberikan dimensi baharu kepada lagu-lagu tradisional. Dialog hanya diselitkan sebagai penghubung antara lagu-lagu, manakala *revue* digunakan untuk menyerlahkan karya komposer tertentu dan memperkenalkan lagu-lagu yang kurang dikenali. Pendekatan ini bertujuan menyuntik nafas baharu kepada nyanyian tradisional Melayu agar lebih menarik kepada generasi masa kini (Mohamad, 2013).

Pendekatan amalan reflektif dan elemen rekonstruksi menjadi asas pembentukan konsep ‘Harmontradiiloka’. Amalan reflektif membolehkan pengkaji menilai elemen tradisional secara kritikal sebelum diintegrasikan ke dalam elemen moden. Elemen rekonstruksi pula mendorong proses penambahbaikan melalui pemerhatian dan maklum balas berterusan.

Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan penggabungan elemen baharu dalam nyanyian tradisional Melayu. Penyusunan ensembel vokal dengan pelbagai tekstur seperti linear, heterofoni, monofoni, bifoni, homofoni, dan polifoni menghasilkan harmoni vokal yang lebih kompleks. Teknik gubahan seperti unison, tutti, call & response, dan counterpoint diterapkan untuk memperkaya pengalaman persembahan. Selain itu, penggabungan elemen koreografi dan teaterikal memberikan dimensi baharu kepada persembahan, menjadikannya lebih menarik dan relevan kepada khalayak moden. Pendekatan ini diharapkan dapat menghidupkan semula warisan muzik tradisional Melayu, menjadikannya sesuai dengan perkembangan masa kini tanpa mengorbankan keaslian tradisi.

Perbincangan

Konsep ‘Harmontradiiloka’ diperkenalkan sebagai inisiatif penting untuk mengintegrasikan elemen tradisional dengan inovasi moden dalam persembahan nyanyian tradisional Melayu. Secara tradisinya, muzik Melayu berasaskan struktur melodi linear dan tekstur heterofoni, mencerminkan keunikan budaya tempatan (Matusky & Tan, 2017). Namun, perubahan zaman menyaksikan penurunan minat generasi muda terhadap genre ini, yang cenderung memilih muzik popular kontemporari (Mohamad, 2013). Untuk menangani cabaran ini, ‘Harmontradiiloka’ bertujuan mengisi jurang tersebut dengan memperkenalkan elemen harmoni moden yang sebelum ini kurang diterokai dalam tradisi muzik Melayu (Schippers, 2010).

Konsep ini memberikan dua sumbangan utama kepada bidang nyanyian tradisional Melayu: inovasi dalam persembahan dan pembaharuan pedagogi. Dari segi persembahan, ‘Harmontradiiloka’ memperluaskan dimensi nyanyian tradisional, yang selama ini berpusat pada persembahan solo atau duet, kepada nyanyian secara ensembel vokal. Penyampaian berkumpulan ini memperkayakan tekstur muzik, meningkatkan emosi dan dinamika persembahan, menjadikannya lebih menarik kepada khalayak moden (Smith, 2005). Pendekatan ini sejajar dengan kejayaan tokoh seperti Allahyarham Pak Ngah, yang berjaya memperbaharui muzik tradisional melalui elemen sinkretisme. Sebagai contoh, lagu-lagu pop tradisional seperti *Cindai* menunjukkan bagaimana gubahan muzik yang inovatif dapat menjadikan tradisi lebih relevan kepada generasi muda (Zainal, 2020). Sebagai tambahan kepada inovasi muzik, ‘Harmontradiiloka’ memperkenalkan elemen koreografi dan teaterikal untuk mencipta persembahan yang lebih holistik. Pemerhatian terhadap bengkel *Mek Mulung* dan *Makyung* menunjukkan bahawa integrasi gerak tari dan lakonan dalam nyanyian tradisional mampu meningkatkan apresiasi generasi muda terhadap seni ini (Mohamad, 2013). Elemen tambahan ini bukan sahaja menambah nilai estetika tetapi juga mencabar penyanyi untuk mengadaptasi pendekatan persembahan yang lebih kompleks. Dari sudut pedagogi, ‘Harmontradiiloka’ menawarkan pendekatan pembelajaran baharu yang berpusat pada kolaborasi dalam ensembel vokal. Pendekatan ini membolehkan peserta memahami hubungan antara elemen tradisional dan moden sambil mempelajari teknik vokal baharu. Dari sudut amalan reflektif, ‘Harmontradiiloka’ mencerminkan bagaimana refleksi dapat merapatkan jurang antara tradisi dan inovasi. Menurut Schön (1983), amalan reflektif memberi peluang kepada pengkaji untuk mengenal pasti kelemahan sistem sedia ada sambil mencipta penyelesaian baharu. Dalam konteks nyanyian tradisional Melayu, refleksi terhadap elemen seperti melodi linear dan tekstur heterofoni membolehkan penghasilan harmoni moden yang berjaya menarik perhatian generasi muda tanpa mengorbankan keaslian tradisi.

Sementara itu, elemen rekonstruksi memperkukuh nilai praktikal ‘Harmontradiiloka’. Yusuf Qardhawi (2006) menegaskan bahawa rekonstruksi budaya harus memelihara inti tradisi sambil memperbaiki aspek yang lemah dan menambah elemen inovasi. Prinsip ini diaplikasikan dalam konsep ‘Harmontradiiloka’ melalui gabungan nyanyian solo tradisional dengan ensembel vokal yang menampilkan harmoni kompleks. Proses iterasi dalam pembangunan konsep ini memastikan

penambahbaikan berterusan berdasarkan maklum balas dan pemerhatian, menjadikan persembahan lebih relevan dan menarik. Kesimpulannya, 'HarmontradiLoka' bukan sahaja menjawab cabaran utama seperti kekurangan inovasi dan penurunan minat generasi muda terhadap nyanyian tradisional Melayu tetapi juga memperkenalkan model persembahan dan pedagogi baharu. Melalui pendekatan amalan reflektif dan elemen rekonstruksi, konsep ini memastikan muzik tradisional Melayu kekal relevan dan menarik dalam konteks moden sambil mengekalkan nilai-nilai tradisional yang menjadi teras budaya.

Kesimpulan

Konsep 'HarmontradiLoka' diperkenalkan sebagai satu inovasi signifikan dalam usaha melestarikan kesenian nyanyian tradisional Melayu. Konsep ini menawarkan pendekatan baharu yang menggabungkan elemen tradisional dan moden, menjadikannya lebih relevan kepada generasi muda serta meningkatkan daya tarikannya di peringkat nasional dan antarabangsa. Dengan mengintegrasikan harmoni moden ke dalam struktur ensembel vokal, 'HarmontradiLoka' memperkayakan dimensi muzikal nyanyian tradisional sambil mencipta pengalaman persembahan yang lebih menarik dan menyeluruh (Schippers, 2010; Matusky & Tan, 2017). Selain itu, 'HarmontradiLoka' turut menyumbang kepada pembaharuan pedagogi dalam pengajaran nyanyian tradisional Melayu. Pendekatan ensembel vokal yang diterapkan membuka ruang kepada kaedah pengajaran baharu yang lebih dinamik dan berkesan, berbanding pendekatan konvensional yang berfokus pada teknik solo. Konsep ini juga menyerlahkan potensi muzik tradisional Melayu untuk diterapkan dalam konteks persembahan kontemporari. Dengan menambahkan elemen koreografi dan teaterikal, 'HarmontradiLoka' mengubah persembahan nyanyian tradisional menjadi lebih holistik dan berdaya saing. Pendekatan ini terbukti meningkatkan apresiasi penonton terhadap seni tradisional, dengan integrasi gerak tari dan lakonan memberikan nilai tambah yang signifikan kepada pengalaman persembahan (Schechner, 2006; Mohamad, 2013). Secara keseluruhannya, 'HarmontradiLoka' memberikan sumbangan penting kepada bidang nyanyian tradisional Melayu melalui inovasi dalam aspek persembahan, pedagogi, dan pengaplikasiannya dalam konteks moden. Konsep ini bukan sahaja berfungsi sebagai model untuk memperbaharui persembahan nyanyian tradisional tetapi juga sebagai alat untuk memastikan kelangsungan seni ini di masa hadapan. Dengan sokongan berterusan daripada pengkarya, pendidik, dan masyarakat, 'HarmontradiLoka' berpotensi menjadi titik perubahan dalam pengembangan seni nyanyian tradisional Melayu, memastikan ia kekal relevan dan diterima oleh pelbagai generasi.

Rujukan

- Abd. Jamal Abd. Hamid. (1989). *Perkembangan muzik popular dalam masyarakat Melayu kesan penjajah yang membawa pengaruh Barat (muzik klasik dan popular Barat)*. Shah Alam: Institut Teknologi Mara.
- Abdullah, F., & Noor, H. (2015). *Cabaran dan strategi pemuliharaan muzik tradisional dalam era globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmed, I., & Kechot, A. S. (2015). Lagu Melayu Asli: Unsur sinkretisme dalam instrumentasi persembahan. *Jurnal Melayu*, 14(2), 307–327. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/9462/1/11451-31081-2-PB.pdf>
- Ahmad, M. F. (2014). *Psikologi persembahan: Mengatasi kegelisahan dan ketakutan pentas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmad. (1996). *Seni lagu dan permainan tradisi*. Kuala Lumpur: Cetaktama Sdn. Bhd.
- Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Mohamad. (1994). *Muzik dan nyanyian tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Bambang Sunarto. (2013). *Epistemologi penciptaan seni*. Yogyakarta: Idea Press.
- Banoe, P. (2003). *Kamus musik*. Kanisius.
- Benward, B., & Saker, M. (2003). *Music in theory and practice*. McGraw-Hill Education.
- Candy, L. (2006). *Practice-based research: A guide*. Creativity and Cognition Studios.
- Colles, H. C. (1927). *Grove's dictionary of music and musicians* (3rd ed., Vol. 5). US: Macmillan Company.
- Daud Hamzah. (1986, September 16). Mencari asal usul muzik tradisional. *Berita Harian*.
- Faisal, M. S. (2018). Pengaplikasian gaya nyanyian koral ke dalam lagu rakyat masyarakat Kenyah Pabat Pibui di Sarawak bersama ensembel [Unpublished master's thesis]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fauziah, Z., & Rachman, A. (2020). Kajian aransemen vokal sebagai identitas O.K. Congrock 17 di Semarang. *Journal of Arts and Culture*, 4(1), 38–46. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/342111031>
- Harun Mat Piah. (2006). Magis dan implikasinya dalam lagu-lagu tradisional Melayu. In *Lagu rakyat: Memupuk kesatuan Melayu* (p. 27). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hartono, R. (2015). *Gubahan lagu dan implikasinya*. Balai Pustaka.
- Hirabayashi, K. (2009). *Introduction to music composition*. Tokyo Music Press.
- Karim, K. M. (2016). Inspirasi penciptaan komposisi muzik GhaMuhyi: Sebuah karya muzik baharu bersumber dari muzik tradisional Ghazal Melayu Johor. *Malaysian Journal of Music*, 5(1), 74–91. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/MJM/article/view/816>
- Kamus Dewan. (2007). *Edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kenrick, J. (2010). *Musical theatre: A history*. Bloomsbury Publishing.
- Kvale, S. (1996). *Interviews: An introduction to qualitative research interviewing*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Matusky, P., & Tan, S. B. (2012). *The music of Malaysia: The classical, folk and syncretic traditions*. Routledge.
- Mohamad, G. N. (2013). *Kesenian Melayu tradisional: Antara tradisi dan inovasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pamungkas, T. (2017). *Teknik gubahan koir dan ensemble vokal*. Pustaka Musik Indonesia.
- Qardhawi, Y. (2006). *Rekonstruksi budaya Islam*. Al-Ma'arif.
- Rogayah A. Hamid & Jemaah Ilias. (2006). *Lagu rakyat: Memupuk kesatuan Melayu penyenggaraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schippers, H. (2010). *Facing the music: Shaping music education from a global perspective*. Oxford University Press.
- Schön, D. A. (1983). *The reflective practitioner: How professionals think in action*. Basic Books.
- Schwartz, C. (1979). *The minstrel show: A comprehensive history*. University of Pennsylvania Press.
- Silahudin, S. (2009). Lagu Melayu Asli: Stilistik nyanyian sebagai wahana seni Melayu. In T. S. Sinar & M. Takari (Eds.), *Budaya Melayu serumpun: Kajian linguistik, sastra, seni dan sosiobudaya* (pp. 125–135). Medan: Bartong Jaya.
- Silahudin, S. (2021). Pertandingan nyanyian lagu Melayu Asli (2000–2010) sebagai kegiatan budaya dalam kalangan remaja. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 62–71. Retrieved from <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/176>
- Stempel, L. (2010). *Showtime: A history of the Broadway musical theater*. W. W. Norton & Company.
- Takari, M. (2018). Estetika seni pertunjukan Melayu. *Fakultas Ilmu Budaya Universitas Sumatera Utara*, 1–27. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/327231489>
- The New Grove Dictionary of Music and Musicians. (1980). Edited by S. Sadie, Vol. 6. Edmund to Fryklund. McMillan.
- Tiara Jacqueline. (2015). *Puteri Gunung Ledang in concert: Rebirth of the legend*. Istana Budaya.
- Viertel, J. (2017). *The secret life of the American musical: How Broadway shows are built*. Sarah Crichton Books.
- Zainal, Z. (2016). *Teknik persembahan seni tradisional: Cabaran dan strategi kontemporari*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal, Z. (2020). *Sinkretisme dalam muzik tradisional Melayu*. Penerbit Universiti Malaysia.

Video/Diskografi

- Abdullah, A. [Adie Abdullah]. (2014, October 12). *Teater Mek Mulung Cahaya Bulan PPAG Part 1* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=M4n98B7mgVQ>
- Abdullah, A. [Adie Abdullah]. (2014, October 12). *Teater Mek Mulung Cahaya Bulan PPAG Part 1* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=C5fe0RGYT3M&t=46s>
- Abdullah, A. [Adie Abdullah]. (2014, October 12). *Teater Mek Mulung Cahaya Bulan PPAG Part 1* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=OoZzFow59CA&t=5s>
- Abdullah, M. F. [Mohd Firdaus Abdullah]. (2012, February 2). *Dato' Siti Nurhaliza Konsert Royal Albert Hall London 2005 Part 1* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=Z1TZZRE1zbQ>
- Abu Bakar, N. A. [Nor Azura Abu Bakar]. (2020, November 30). *Mashed Up Acapella Musalmah Mani + Hati Kama - Pendedang Kemala Irama* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=G47ddXFsex8>
- Ashiee, A. [Ashley Ashiee]. (2018, November 21). *Koir Kebangsaan 2018 Mek Mulung Cycle* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=-C7-8yFcrZo>
- Channel, A. [Al's Channel]. (2014, February 20). *Mak Yong by Koir Kebangsaan dan En. Rosnan Rahman* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=Q1L2GuhASjA>
- Jai725a [jai725a]. (2012, December 11). *Noraniza Idris – Dikir Puteri* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=ZozyzTapqcU>
- JKKN, C. [Cawangan RnD JKKN]. (2014, January 28). *Teater Tradisional Makyung: Raja Panah (Panggung Seni Tradisional 2014)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=QdJvcdeUPjs>
- JKKN, C. [Cawangan RnD JKKN]. (2020, September 9). *Teater Tradisional Mek Mulung "Hikayat Puteri 12 Beradik" (Panggung Seni Tradisional 2018)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=Yu7XlsBmeWA>
- JKKN, C. [Cawangan RnD JKKN]. (2020, September 18). *Teater Tradisional Randai "Si Jundai" (Panggung Seni Tradisional 2019)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=YWQdM2nN3ow>
- Lee, V. [Vincent Lee]. (2019, October 17). *Siti Nurhaliza - Konsert Mega Live Bukit Jalil (30th Jun, 2001)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=S4rxsTmqEFw>

- Lee, V. [Vincent Lee]. (2019, October 17). *Siti Nurhaliza - Konsert Live 1999 (Stadium Putra, 30th Oct) [Konsert Solo Pertama]* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=GjfEo2EfDjI>
- Lee, V. [Vincent Lee]. (2019, October 17). *Siti Nurhaliza - Konsert Salam Terakhir (Untukmu Sudirman) [Istana Budaya, 2002]* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=o6W7QaGe4N8>
- Lupin, M. [Mel Lupin]. (2022, September 12). *Pewaris Seni Pentas: Randai Si Ujang* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=YdINMdiShlQ>
- Masnan, N. [Nazri Masnan]. (2017, October 23). *Noraniza Idris - Awallah Dondang (Live In Juara Lagu 97)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=VcqKD1YABWQ>
- Masnan, N. [Nazri Masnan]. (2017, October 23). *Jamal Abdillah & M. Nasir - Ghazal Untuk Rabiah (Live In Juara Lagu 97)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=6fJDbWyEkY8>
- Masnan, N. [Nazri Masnan]. (2017, October 28). *Siti Nurhaliza - Cindai (Live In Juara Lagu 98)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=bYgxTSE1w6Q>
- Masnan, N. [Nazri Masnan]. (2017, November 21). *Noraniza Idris – Dondang Dendang (Live In Juara Lagu 99)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=yiKk7vTDpEI>
- Masnan, N. [Nazri Masnan]. (2017, November 21). *Siti Nurhaliza & Noraniza Idris - Hati Kama (Live In Juara Lagu 99)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=yRATkgSGdrY>
- Masnan, N. [Nazri Masnan]. (2017, November 22). *Noraniza Idris – Ngajat Tampi (Live In Juara Lagu 2000)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=uBGPeUYd-7c>
- Masnan, N. [Nazri Masnan]. (2017, November 22). *Noraniza Idris – Tinting (Live In Juara Lagu 2000)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=NgWIR24bnzU>
- Masnan, N. [Nazri Masnan]. (2017, November 22). *Siti Nurhaliza - Balqis (Live In Juara Lagu 2000)* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=dRAawzVi6uk>
- Masnan, N. [Nazri Masnan]. (2017, November 30). *Siti Nurhaliza - Ya Maulai (Live In Juara Lagu 2001)* [Video]. YouTube. https://www.youtube.com/watch?v=__HA9lDdbe4
- Rahman, R. [Rosnan Rahman]. (2019, August 15). *Makyung Anak Raja Dua Serupa – Part 1* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=F8IKYGYD9BY>
- Rahman, R. [Rosnan Rahman]. (2019, August 15). *Makyung Anak Raja Dua Serupa – Part 2* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=BCcCzPTlvdU>
- Rahman, R. [Rosnan Rahman]. (2019, August 15). *Makyung Anak Raja Dua Serupa – Part 3* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=kLvBmXaySqc&t=1s>
- USM, D. [Dewan Budaya]. (2022, August 1). *Teater Tradisional Makyung: Dewan Indera Indera Dewa – Kumpulan Seri Makyung USM* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=JuF6Xe1HjA8>